
KOMEN BAJET 2019 – NEGERI SARAWAK

KUALA LUMPUR – Kementerian Kerja Raya ingin memaklumkan terdapat 21 projek di Negeri Sarawak telah diluluskan setakat ini dalam RMKe-11 -- melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM4.02 bilion. Ini tidak termasuk projek Lebuh raya Pan Borneo Sarawak yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat dengan kos pembinaan sebanyak RM16.44 bilion.

Jika diambil kira keseluruhan projek terlibat, Kerajaan Pusat telah meluluskan lebih daripada RM20 bilion nilai bagi projek-projek RMKe-11 yang dilaksanakan di Negeri Sarawak di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya.

Bagi tahun 2019 nanti, terdapat 5 projek baru dengan kos keseluruhan sebanyak RM477.5 juta telah diluluskan di Sarawak. Projek-projek yang akan mula dilaksanakan itu ialah:

1. Naik Taraf Laluan 8101 Jalan Datuk Mohd Musa, Kota Samarahan (kos projek: RM243 juta);
2. Membina Jalan Akses Sambungan ke Kawasan Selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (RM129 juta);
3. Membina Jejambat di Persimpangan Jalan Medan Jaya-Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu (RM100 juta);
4. Kajian Jalan Baharu Menghubungkan Sarawak-Sabah (RM2 juta); dan
5. Membina Jejantas Pejalan Kaki di SMK Bandar Bintulu (3.5 juta)

Di samping itu, KKR juga pada tahun 2019 ini akan tetap meneruskan pelaksanaan projek-projek infra yang sedang giat dilaksanakan di negeri Sarawak, iaitu:

1. Lebuhraya Pan Borneo Sarawak - 11 pakej (kos projek: 16.48 bilion);
2. Naik Taraf Jalan Nyabau -Bakun (RM637 juta);
3. Membina Lorong-Lorong Memotong di sepanjang Jalan Pan-Borneo (RM224 juta);
4. Naik Taraf Jalan Kg. Seberang, Sarikei (RM48 juta); dan
5. Menaik Taraf Jalan Batu 10 - Batu 15 Jalan Kuching - Serian (RM84 juta).

Untuk rekod, setakat ini terdapat 10 projek RMKe-11 telah disiapkan oleh Kerajaan Pusat di Negeri Sarawak dengan kos projek keseluruhan melebihi dari RM1 bilion. Antara projek yang telah disiapkan itu ialah Jambatan Batang Sadong, Jambatan Batang Samarahan, Jambatan Sungai Pusa, Jambatan Sungai Sarawak (Jalan Matang - Stapok), dan Naik Taraf Jalan Tanjung Kidurong ke Kawasan Samalaju Industrial Park.

Kementerian Kerja Raya juga ingin memaklumkan bahawa cadangan pembinaan 3 projek jambatan di Jalan Persisiran Negeri Sarawak - iaitu Jambatan Batang Lupar (kos projek: RM1.5 bilion); Jambatan Batang Igan (RM311 juta), dan Jambatan Batang Rambongan (RM142 juta) - masih lagi tersenarai dalam kelulusan butiran kementerian ini untuk dilaksanakan dalam RMKe-11.

Walau bagaimanapun pelaksanaan ketiga-tiga projek berkenaan terpaksa dijadualkan semula berikutan daripada masalah kewangan fiskal yang dihadapi oleh Kerajaan Pusat. Berikutan itu pelaksanaan projek-projek yang sepatutnya dimulakan pada tahun 2019 itu terpaksa ditangguhkan sehingga mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Namun demikian Kementerian Kerja Raya menyambut baik pengumuman Bajet 2019 oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk membiayai pelaksanaan ketiga-tiga projek jambatan di jalan negeri itu menerusi peruntukan Kerajaan Negeri. Ini selaras dan bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membina laluan terus tanpa feri di sepanjang jalan Persisiran Pantai Sarawak sebelum menjelang tahun 2023. Dalam masa yang sama Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kerja Raya akan memberikan tumpuan bagi menyiapkan projek Lebuh raya Pan Borneo Sarawak pada tahun 2022.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
6 NOVEMBER 2018

3/3

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my